

BAB 2

PENYERAPAN KOSA KATA ARAB KE DALAM BAHASA MELAYU

2.0. Pengenalan

Dalam kajian kosa kata, peminjaman kata merupakan antara sumber yang terpenting. Kajian tentang peminjaman kata dimasukkan dalam pertembungan bahasa dan kontak bahasa di dalam ilmu linguistik. Komunikasi antara penutur bahasa yang berbeza adalah antara faktor mengapa bahasa itu mempengaruhi antara satu sama lain. Pertembungan bahasa ini dicirikan oleh kedwibahasaan, peminjaman dan perubahan bahasa. Peminjaman kata dipengaruhi oleh beberapa faktor struktural yang dapat dilihat dari sudut kebersamaan struktural, tingkat ikatan butir-butir linguistik, kekerapan kata, homonim, keusangan kata dan kekurangan perbezaan semantik dan faktor bukan struktural (sosiobudaya). Pertembungan adat Melayu dengan adat asing pada beberapa adat yang lalu sedikit sebanyak mengakibatkan berlakunya beberapa perubahan dalam cara hidup orang Melayu. Peminjaman kata juga mudah berlaku sekiranya sesuatu masyarakat itu dipandang tinggi dari segi kemajuan tamadunnya. Peminjaman juga terjadi kerana kewujudannya sebagai unsur semula jadi dalam perkembangan sesuatu bahasa. Kalau diteliti dalam setiap bahasa di dunia ini kita akan dapati bahawa tiada satu pun bahasa yang tidak meminjam.

Perkembangan sesuatu bahasa dalam sesuatu masyarakat juga dipengaruhi oleh perhubungan mereka dan pertembungan kebudayaan mereka dengan kebudayaan lain. Sebagai contoh kaum Baba dan Nyonya di Melaka yang menyaksikan pertembungan antara dua budaya Cina dan Melayu yang akhirnya mewujudkan suatu hasil asimilasi yang positif dalam perkembangan bahasa dan budaya Melayu. Dalam situasi beginilah berlakunya peminjaman kata sama ada secara bulat-bulat atau secara penyesuaian.

Peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu merupakan rentetan daripada perhubungan langsung melalui aktiviti perdagangan dan penyebaran agama Islam yang berlaku antara orang Arab dan orang Melayu. Begitu banyak sekali kata Arab yang dipinjam dalam bahasa Melayu. Bukan hanya kata sahaja yang dipinjam, malahan tulisannya juga yang kita kenali sebagai tulisan Jawi dipinjam sama. Kemasukan kata bahasa Arab ini terjadi kerana bahasa berkenaan telah digunakan sebagai alat penyebaran agama Islam. Kebanyakan kata yang dipinjam dalam bahasa Melayu merupakan istilah-istilah keagamaan yang kini mungkin sebahagian daripadanya telah menjadi istilah umum akibat perkembangan masa dan perluasan serta penyempitan makna yang berlaku. Kata yang diserap mungkin mengambil konotasi kata asal sepenuhnya atau sebahagian atau hanya zahir kata yang diterima tetapi tidak pada maknanya.

2.1. Sejarah Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia (dikenali sebagai Bahasa Indonesia), Brunei Darussalam, dan Singapura. Menurut statistik penggunaan bahasa di dunia, penutur bahasa Melayu dianggarkan berjumlah lebih 300 juta dan merupakan bahasa keempat dalam turutan jumlah penutur terpenting bagi bahasa-bahasa di dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Hindi/Urdu.

Bahasa Melayu tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia. Formosa⁷ atau kini lebih dikenali sebagai pulau Taiwan adalah merupakan tempat asal keluarga bahasa ini. Keluarga bahasa ini kemudiannya tersebar ke selatan, ke kepulauan Filipina dengan membentuk satu cabang bahasa yang dikenali sebagai bahasa Melayu-Polinesia. Cabang bahasa ini mula wujud sejak kira-kira 5,000 hingga 4000 tahun dahulu. Ia kemudiannya tersebar ke selatan lagi, iaitu ke Borneo Utara, dan dari sana ia tersebar pula ke barat dan ke selatan. Bahasa yang menuju ke barat itu hingga ke Kalimantan Barat atau Borneo Barat. Di situlah mula lahirnya bahasa Melayu-Proto, iaitu sejak kira-kira 2500 hingga 2200 tahun dahulu. Bahasa Melayu-Proto menyebar ke barat menuju ke kepulauan Riau-Lingga dan seterusnya ke pantai timur pulau Sumatera pada awal tahun Masihi, kemudian bergerak ke utara dan sehinggalah ke Tanah Semenanjung hingga ke Segenting Kra di Thailand Selatan. Arah yang kedua menghala ke utara ke pantai Sarawak, Brunei, pantai barat Sabah, utara Sabah, dan ke timur Sabah. Arah yang ketiga menuju ke selatan ke Ketapang, pulau Bangka-Belitung dan Sumatera Selatan, dan seterusnya ke pantai utara Jawa Barat.

⁷ Comrie, Bernard. 2001. Languages of the world. hlmn. 19-42..

Pada abad ketujuh, bahasa Melayu terus berkembang dan menjadi bahasa pemerintahan dalam kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang. Kerajaan Srivijaya amat luas taklukannya dan dapat menguasai hampir keseluruhan bahagian barat kepulauan Melayu selama beberapa ratus tahun. Pada abad kelima kemudiannya timbul pula kerajaan Melayu Melaka. Seperti di zaman pemerintahan kerajaan Srivijaya, bahasa Melayu juga menjadi bahasa pemerintahan kerajaan Melaka dan berkembang menjadi bahasa perdagangan sejajar dengan status Melaka sebagai pusat perdagangan yang terpenting di timur pada ketika itu. Bahasa ini juga tersebar ke Gujerat, hingga ke kepulauan Maluku dan dari Campa di Vietnam hingga ke pulau Jawa. Apabila agama Islam berkembang di Asia Tenggara bahasa Melayu menjadi wahana penyebaran agama Islam di pelbagai kawasan di Asia Tenggara. Kemudian apabila datang agama Kristian yang dibawa oleh orang-orang barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris, bahasa Melayu menjadi bahasa yang digunakan untuk menyebarkan agama Kristian terutama di kawasan Indonesia Timur⁸.

Daerah induk bagi bahasa Melayu pada masa ini terletak di Semenanjung Tanah Melayu hingga ke daerah Thailand Selatan, kepulauan Riau-Lingga, dan Bangka-Belitung, di sepanjang pantai timur pulau Sumatera dari Palembang di Sumatera Selatan hingga ke Tamiang di Nanggroe Aceh Darussalam, serta di Bengkulu, kemudian di pesisiran pantai Pulau Borneo, iaitu di pantai-pantai Sarawak, Brunei, Sabah, Kalimantan Timur, Kalimantan Selatan, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Barat.

⁸ Amat Juhari Moain. 2006. *Kata-kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan Bunyi dan Makna*.

Mengikuti sejarah, bahasa Melayu telah mula menggunakan tulisan sejak abad ke-4M lagi. Ini berdasarkan prasasti yang ditemui di Vietnam iaitu prasasti Dong Yen Chau. Pada abad ke-7M dan selepasnya terdapat pelbagai prasasti berbahasa Melayu di daerah-daerah yang dikuasai oleh Srivijaya, sama ada di pulau Sumatera, Tanah Semenanjung atau di Pulau Jawa, seperti di Kedukan Bukit, Talang Tuwo, Kota Kapur, Karang Brahi, Palas Pasemah, Telaga Batu, Gunung Tua, Pagar Ruyung, Lembah Bujang, Ligor, Takua Pa, Chaiya, Gunung Sundoro, Bukateja, Dang Pu Hawang Geulis, Sajamerta, Manju Syringraha dan lain-lain.

Kemudian lahir pula tulisan-tulisan seperti Hikayat Raja-raja Pasai, Bahr al-Lahut, Hikayat Hang Tuah, Sulalatus-Salatin, Adat Raja-raja Melayu pada sekitar abad ke-12M. Tidak ketinggalan juga kitab-kitab agama Islam seperti yang tertulis di Aceh oleh ulama-ulama Aceh, tulisan ulama-ulama di Pattani, dan di daerah-daerah lain seperti di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu terutama di Kelantan dan Kedah, di Palembang, Jambi, Minangkabau, Brunei, Banjarmasin, Banten, Pontianak, Sambas, Johor-Riau dan di beberapa daerah yang lain.

Sejarah mencatatkan bahawa tulisan yang dipakai untuk bahasa Melayu pada mulanya ialah tulisan Pallava, tetapi selepas kedatangan Islam ke dunia Melayu, tulisan Jawi mula dipakai. Selepas kedatangan penjajah barat tulisan-tulisan dalam bahasa Melayu mula menggunakan tulisan rumi dan akhirnya pada tahun 1963, iaitu berdasarkan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 tulisan rumi dijadikan tulisan rasmi bagi bahasa Melayu⁹.

⁹ Amat Juhari Moain (2000), *Sejarah dan Rumpun Bahasa Melayu*.

Sejak zaman awal lagi, bahasa Melayu banyak menerima kata pinjaman bahasa asing untuk mengayakan bahasa Melayu. Pengaruh yang paling awal ialah pengaruh bahasa Sanskrit yang berasal dari India. Kata-kata pinjaman bahasa Sanskrit ini banyak yang berkaitan dengan agama dan pemerintahan, kerana orang Melayu pada ketika itu menganut agama Hindu yang datang dari India, dan sistem pemerintahan pun mengikut sistem pemerintahan dari India. Contoh yang jelas dapat dilihat dalam penggunaan institusi raja, orang-orang besar – orang besar empat, orang besar lapan, orang besar enam belas dan orang besar tiga puluh dua, mengadakan jawatan-jawatan bendahara, bendahari, perdana menteri, laksamana, bentara, sida-sida, raja-raja, maharaja dan lain-lain. Dalam bidang agama terdapat kata-kata pinjaman seperti syurga, neraka, dosa, pahala, seksa, dewa, dewi, nirwana, puasa, dan banyak kata yang lain lagi.

Kedatangan Islam menyebabkan ramai orang Melayu tertarik dan memeluk agama Islam. Maka melalui peristiwa ini orang Melayu pun mula menggunakan kata-kata istilah Islam dan juga yang lain-lain daripada bahasa Arab dan Parsi. Jumlah kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab bertambah terus menerus, bahkan sampai ke masa kini, bahasa Melayu masih terus menyerap kata-kata bahasa Arab.

Bahasa-bahasa penjajah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris juga banyak dipinjam dalam bahasa Melayu. Bahkan pada masa sekarang ini, sekalipun bangsa-bangsa itu tidak lagi menjadi penjajah di negeri-negeri Melayu, tetapi masih banyak kata daripada bahasa mereka tetap terus dipinjam terutama sekali daripada bahasa Inggeris. Ini disebabkan oleh perkembangan sains dan teknologi barat yang menguasai kehidupan masyarakat Melayu dan masyarakat penutur bahasa Melayu. Kebanyakan kata yang dipinjam dan diserap ialah kata-kata istilah moden yang berkaitan dengan sains dan teknologi moden. Bahkan bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar untuk

pengajaran sains dan matematik yang menjadi asas untuk mempelajari dan mengembangkan sains dan teknologi moden. Walaupun demikian pengambilan dan penyerapan kata-kata bahasa Arab masih terus berjalan dalam bahasa Melayu seperti takaful, muamalat, musabaqah, maal hijrah, nama masjid, nama orang dan lain-lain lagi.

2.2. Sejarah Bahasa Arab

Bahasa Arab termasuk ke dalam keluarga bahasa Afro-Asiatik. Dahulunya ia pernah dikenali sebagai Hamito-Semitik. Keluarga bahasa ini mengandungi lebih daripada 20 cabang bahasa dan penuturnya berjumlah lebih daripada 200 juta orang. Keluarga bahasa Afro-Asiatik ini terbahagi kepada enam kumpulan, iaitu Semitik, Berber, Chadk, Cushitik, Qibti dan Omotik. Bahasa Arab termasuk ke dalam kumpulan bahasa Semitik.

Kumpulan bahasa Semitik ini terpecah kepada beberapa bahasa lagi, iaitu Arab, Arami, Malta, Akkadia, Amorite, Moabite, Fonia, Syriak dan Tigriya. Antara kumpulan ini bahasa Arablah yang paling besar, paling luas penyebarannya, paling tinggi kedudukannya, paling banyak penutur aslinya, serta yang paling banyak dipelajari oleh penutur-penutur bahasa lain terutama orang-orang yang beragama Islam.

Penutur asli bahasa Arab berjumlah lebih daripada 150 juta¹⁰, dan beberapa juta lagi yang menggunakannya sebagai bahasa kedua, terutama di dunia Islam. Bahasa Arab tersebar luas di Afrika Utara, Afrika Timur, Afrika Barat, dan Asia Barat seperti

¹⁰ Comrie, Bernard. 2001. *Languages of the world*.

di negara-negara seperti Maghribi, Algeria, Tunisia, Libya, Mesir, Sudan, Arab Saudi, Syria, Jordan, Palestin, Lebanon, Yemen, Oman, Kuwait, Qatar, Iraq, dan juga di negara-negara lain terutama di negara-negara Islam seperti Mauritania, Nigeria, Djibouti, Zanzibar, Iran, Pakistan, Chad, Niger, Senegal, Somalia, Malaysia, Indonesia dan lain-lain.

Bahasa Arab kuno terbahagi kepada dua iaitu: bahasa Arab Utara dan bahasa Arab Selatan yang tersebar di Semenanjung Tanah Arab. Bahasa Arab Utara dikesan telah wujud sejak abad ke-5 Sebelum Masihi sehingga abad ke-3M, melalui inskripsi-inskripsi epigrafi Arab Selatan yang ditemui. Kemudian pada abad ke-3M mula wujud bahasa Arab Klasik. Bahasa Arab Klasik mula meningkat dan memuncak pada abad ke-7M, apabila al-Quran yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. dengan menggunakan bahasa Arab Quraisy. Sebelum turunnya al-Quran bahasa Arab telah digunakan untuk menulis syair-syair Arab yang indah-indah, dan bahkan disebarkan oleh orang Arab Jahiliyah. Namun apabila turun ayat-ayat al-Quran, semua syair yang indah-indah itu dapat digerbanakan. Bahasa Arab yang digunakan dalam al-Quran dan al-Hadith Nabi S.A.W. yang tinggi mutunya berkembang dan tersebar luas sesuai dengan perkembangan agama Islam di Asia Barat, yang kemudian merebak ke Afrika Utara, Asia Minor, Eropah Tenggara, Asia Selatan, Asia Tengah, dan Asia Tenggara.

Bahasa Arab kemudian berkembang terus bukan sahaja sebagai wahana pengembangan ajaran agama Islam, tetapi juga untuk penyebaran ilmu pengetahuan sains dan teknologi. Di beberapa bandar di Asia Barat, Afrika Utara dan Semenanjung Iberia atau Sepanyol (terkenal dengan nama Andalusia) muncul banyak institusi pengajian tinggi yang mengajarkan pelbagai ilmu pengetahuan, sains dan teknologi

dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Bahasa Arab juga menjadi bahasa *lingua franca* di banyak tempat di kawasan-kawasan yang tersebut di atas pada zaman kegemilangan empayar Islam.

Natijah daripada itu bahasa Arab menjadi bahasa yang banyak dipelajari oleh pelbagai golongan manusia, sama ada di Asia Barat, Asia Tengah dan Asia Selatan, mahu pun di Afrika Utara dan Eropah serta Asia Tenggara. Kata-kata bahasa Arab banyak yang dipinjam oleh bahasa-bahasa Eropah terutama dalam bidang sains dan teknologi seperti dalam bidang-bidang astronomi, algebra, matematik, geometri, perubatan, senibina dan lain-lain.

Di dunia Islam pula bahasa Arab banyak dipelajari oleh sebab kitab suci agama Islam, iaitu al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab, selain itu hadis Nabi SAW juga tertulis dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan kitab-kitab tafsir al-Quran, Sharh al-Hādīth, kitab-kitab Fiqh, Tasāwwuf, Falsafah, ‘Aqīdah, Mu‘āmalāt, Munākahāt, Jināyāt, dan lain-lain ditulis dalam bahasa Arab, terutama pada zaman awal Islam. Selepas itu baru ada kitab-kitab tafsir al-Quran dan Sharh al-Hādīth yang ditulis dalam bahasa-bahasa lain. Tetapi teks-teks utamanya masih tetap dalam bahasa Arab. Jika terdapat terjemahan dalam bahasa lain kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab masih tetap terus digunakan.

Pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa-bahasa umat Muslim daripada bangsa bukan Arab tetap terus berlaku sampai sekarang ini terutama sekali dalam bidang-bidang agama, pemerintahan dan hukum-hakam Islam. Ini termasuklah bahasa-bahasa seperti Parsi, Urdu, Turki, dan Melayu.

Selain itu tulisan Arab juga dipakai oleh banyak bahasa di dunia. Bahkan pada masa ini tulisan Arab merupakan tulisan kedua terbanyak digunakan oleh bahasa-bahasa di dunia selepas tulisan Rumi. Bahasa-bahasa seperti Parsi, Urdu, Jawi, Pegon, beberapa bahasa di Asia Tengah, Afrika dan lain-lain menggunakan tulisan Arab sebagai wahana penulisan mereka.

Pada masa ini bahasa Arab menjadi salah satu di antara enam bahasa yang dipakai di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu¹¹.

2.3. Peminjaman kata Arab untuk kata Melayu

Zaman bahasa Melayu klasik bermula dari abad ke-14 hingga abad ke-18, telah dikelaskan sebagai zaman bahasa Melayu menerima pengaruh bahasa Arab dengan begitu ketara sekali. Dalam erti kata lain sumber utama pinjaman kata dalam bahasa Melayu pada zaman itu ialah bahasa Arab. Sebagaimana yang telah diterangkan di atas bahawa kemasukan bahasa Arab terjadi kerana ia telah digunakan sebagai alat penyebaran agama Islam pada ketika itu. Pengembangan falsafah dan intelektual berlaku dengan giatnya pada zaman ini. Polemik ilmiah, penulisan buku ilmiah, dan penterjemahan kitab dan buku Islam dalam pelbagai bidang ilmu daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu telah membantu perkembangan bahasa Melayu dan pemikiran orang Melayu.

Abdullah Hassan (1994), menyatakan bahawa kemasukan agama Islam ke dunia Melayu membawa bersama pengaruh Arab. Perkataan-perkataan Arab yang masuk ke

¹¹ <http://easyexpat.blogexpat.com/blog/expat/2009/03/05/world-s-most-spoken-languages>.

dalam bahasa Melayu, telah dibahagikan kepada lima bahagian; agama, ilmu pengetahuan, adat budaya dan pergaulan serta kejadian¹².

Bahasa Arab digunakan untuk mengungkapkan beberapa perkara baharu terutamanya berkenaan dengan agama Islam. Kebanyakan bahasa Arab yang masuk dan diserapkan ke dalam bahasa Melayu merupakan istilah-istilah agama Islam. Oleh kerana perkara ini baru kepada masyarakat Melayu maka istilah ini diterima bulat-bulat di samping dapat memperkayakan lagi kosa kata bahasa Melayu pada ketika itu.

Menurut Weinreich 1974, peminjaman bahasa asing adalah untuk mengungkapkan sesuatu perkara yang baru yang tidak ada bahasa padanan dalam bahasa sasarannya.

Kalau dilihat dari segi sejarah, bahasa Arab bukan sahaja dipinjam kata dan istilahnya, bahkan tulisannya. Menurut Amat Juhari Moain, tulisan Arab dibawa masuk ke alam Melayu dan kemudian digunakan sebagai tulisan untuk bahasa Melayu. Bukti terawal menunjukkan bahawa penggunaan tulisan Arab di alam Melayu telah bermula pada abad ke-3 Hijrah yang bersamaan dengan abad ke-10. Tulisan Arab dalam bentuk prasasti, pernah ditemukan di beberapa tempat, iaitu:

(a) Kedah Darul Aman (zaman Langkasuka), iaitu pada batu nisan Syeikh Abdul Qadir ibn Husin syah Alam (290 H/910 M).

(b) Brunei Darussalam, iaitu pada batu nisan puteri Sultan Abdul Majid ibn Mohamad Syah al-Sultan (440 H/1048 M).

¹² Abdullah Hassan. 1994. *Bahasa Melayu untuk Maktab Perguruan*. hlmn.22.

(c) Vietnam, iaitu pada batu nisan di Phan-Rang Vietnam (dahulunya termasuk dalam Wilayah Selatan Champa) (431 H/1039M).

(d) Pekan, Pahang, iaitu pada batu nisan yang bertarikh 14 Rabiul Awal 419 H.

(e) Grisek, Jawa Timur, iaitu pada batu nisan Fatimah binti Maimun binti Hibat Allah, yang meninggal di Laren, gerisik, Jawa Timur (475 H/ 1082).

2.4. Tulisan Jawi

Bukti prasasti Terengganu bertarikh 702H/1303M merupakan bukti bertulis bahawa bahasa dan tulisan Arab diserap dan dijadikan tulisan Melayu. Selepas tarikh itu banyaklah tulisan-tulisan Jawi yang dipakai untuk bahasa Melayu. Sebelum itu tulisan yang dipakai untuk bahasa Melayu ialah tulisan Pallava. Orang Melayu mula menggunakan tulisan Jawi setelah orang Melayu memeluk agama Islam.

Pada zaman peralihan Hindu ke Islam kedua-dua tulisan tersebut dipakai seperti yang terdapat pada prasasti Minye Tujuh, Aceh (1380M), dan di Makam Syeikh Ahmad Majnun di Linggi, Negeri Sembilan (1467M). Tetapi selepas itu tulisan Jawi digunakan terus tanpa menggunakan tulisan Pallava lagi. Kesan daripada itu, sebahagian besar karya-karya agung berbahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi seperti yang terdapat pada manuskrip-manuskrip Melayu lama yang masih tersimpan di Universiti Leiden, British Library, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, dan di perpustakaan-perpustakaan lain di seluruh dunia.

Dapat dilihat bahawa pengaruh Arab dalam bahasa Melayu begitu kuat sekali selepas kehadiran Islam dan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama itu. Bukan sahaja bahasa yang dipengaruhi, bahkan budaya intelektual Islam yang berasal dari tanah Arab itu sendiri. Tulisan Jawi digunakan bagi menggantikan tulisan Pallava yang telah lebih dahulu digunakan oleh masyarakat Melayu kerana kerelevanannya dengan agama baru yang dianuti masyarakat Melayu. Zaman ini juga merupakan zaman keagungan intelektual Melayu yang dibina dari pengaruh yang datang dari Arab melalui tulisan Jawi.

Tulisan Jawi sebenarnya telah mengalami beberapa perubahan. Pertama sekali ialah: Penambahan beberapa huruf baru bagi melambangkan fonem-fonem Melayu yang tidak ada dalam aksara bahasa Arab dan juga fonem-fonem asing yang telah ada dalam bahasa Melayu hasil penyerapan daripada bahasa asing terutama Sanskrit ke dalam bahasa Melayu.

2.5. Kamus Dewan

Penerbitan sebuah kamus besar seperti Kamus Dewan sememangnya menjadi impian Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak dari awal penubuhannya lagi. Namun cita-cita ini tidak dapat dilaksanakan kerana tiada individu yang berkelayakan dan berkebolehan untuk melaksanakannya. Pihak DBP telah meminta kerjasama UNESCO untuk mencari seorang pakar agar dapat membantu dalam penyusunan sebuah kamus bahasa Melayu.

Pada tahun 1963, pihak DBP mendapat khidmat Dr. Teuku Iskandar yang mempunyai kelayakan dalam lapangan kesusasteraan dan pengalaman dalam bidang

penyusunan kamus di University Leiden. Beliau sanggup melakukan tugas penyusunan sebuah kamus yang agak lengkap yang dinamakan dengan Kamus Dewan. Sejak itulah tertubuhnya Bahagian Perkamusan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pada penggal pertama tahun 1964, UNESCO telah menghantar Prof. Dr. A. Teeuw, seorang pakar yang berpengalaman dalam kerja-kerja penyusunan kamus Bahasa Indonesia-Belanda dengan W.J.S. Poerwadarminta, sebagai penasihat dalam kerja- menyusun kamus ini.

Kerja-kerja penyusunan Kamus Dewan ini sebenarnya bermula pada 1965 dan mula diterbitkan cetakannya yang pertama pada tahun 1970.

Kamus ini pada awalnya telah disusun berdasarkan sistem pelaksanaan seperti yang berikut:

- 1- Sistem kad yang mengandungi cabutan kata dari kamus terdahulu seperti:
 - a. Kata Melayu moden, *Kamus Bahasa Melayu* oleh R.O. Winstedt.
 - b. Kata Melayu klasik, *A Malay English Dictionary* oleh R.J. Wilkinson.
 - c. Kata Indonesia, *Kamus Umum Bahasa Indonesia* oleh W.J.S. Poerwadarminta dan *Kamus Moderen* oleh St. M Zain.
- 2- Penambahan entri moden dan klasik melalui bahan-bahan bacaan buku klasik, novel, buku teks sekolah, majalah dan akhbar.

- 3- Peribahasa diambil daripada buku *Peribahasa* oleh K. St. Pmuntjak, N. St. Iskandar dan Dt. Matjoindo, *Kitab Kiliran Budi* oleh W.G. Shellabear dan Guru Sulaiman bin Muhammad Nor serta *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* oleh Abdullah Hussain.
- 4- Nama-nama binatang diambil daripada kamus-kamus yang tersebut di atas. Manakala nama-nama tumbuhan pula diambil dan dibandingkan melalui nama-nama tumbuhan yang terdapat dalam *Dictionary of Economic Products of the Malay Peninsula* oleh E.P.M. Burkill, *Malay Wild Flowera Dicotilydons and Monocotilydons* oleh M.R. Henderson, *Wayside Trees in Malaya* oleh H.Corner. Nama-nama ikan pula dikutip daripada *An Introduction to Seafishes in Malaya* oleh J.S. Scott dan senarai nama ikan dari Jabatan Perikanan Malaysia Barat. Nama-nama binatang kemudiannya diselaraskan dengan senarai yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mergastua Malaysia Barat.
- 5- Entri yang berupa dialek dimuatkan hanya yang termampu pada ketika itu dan diberikan label.
- 6- Istilah yang termuat terbatas kepada istilah yang telah banyak digunakan dalam buku teks sekolah atau yang diketahui umum sahaja.
- 7- Kependekan dan akronim disusun menurut abjad di antara entri-entri lain. Kependekan yang terdapat dalam di Indonesia dimasukkan hanya yang dianggap penting sahaja.

- 8- Nama tempat dan nama orang tidak dimuatkan dalam kamus ini kecuali yang mempunyai erti yang tertentu.

2.6. Kamus Dewan Edisi Keempat

Kamus Dewan Edisi Keempat telah mengalami banyak proses pengemaskinian. Sejak penerbitannya yang pertama pada tahun 1970, Kamus Dewan telah mengalami beberapa pengemaskinian dengan cetakan ejaan baharunya pada 1984, Edisi Baru pada 1989, Edisi Ketiga pada 1994 dan yang terkini, Kamus Dewan Edisi Keempat.

Sebanyak 5843 kata baru telah dimuatkan dalam edisi keempat ini. Di samping kata baru, kata entri lama yang mengalami perubahan makna, sama ada perluasan atau penyempitan makna turut dikemaskinkan.

Sebahagian besar kata yang dimuatkan dalam kamus ini merupakan kosa kata dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, undang-undang, marin, perubatan dan sebagainya. Kata serapan Arab juga tidak terkecuali diberikan perhatian untuk dimuatkan ke dalam edisi keempat ini. Begitu juga kata yang berbentuk slanga yang diberikan label “bp” sebagai tanda bahawa bahasa ini tidak sesuai digunakan dalam situasi rasmi. Kata yang berkaitan dengan suku dan etnik di Malaysia seperti Cina, India, Iban, Kadazan dan Kintak juga diputuskan untuk dimasukkan bagi menjaga kepentingan mereka.

Semua penambahan dan pengemaskinian yang dilakukan terhadap Kamus Dewan Edisi Keempat ini merupakan proses yang biasa berlaku pada mana-mana kamus dalam menjadikan kamus tersebut sebagai kamus yang paling autentik yang menjadi rujukan utama pengguna bahasa Melayu di Malaysia.

2.7. Al-Mu‘jam al-Wasīt□

Al-mu‘jam al-wasīt□ ialah sebuah Kamus Rasmi Arab terbitan *Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah* (Akademi Bahasa Arab) Mesir. Akademi ini ditubuhkan pada tahun 1932 di Mesir dengan tujuan untuk memelihara karya klasik Arab. Antara misi penting penubuhan akademi ini adalah untuk mengeluarkan Kamus Arab pertama yang menggunakan kaedah leksikografi moden yang merangkumi bahasa Arab Klasik dan moden.

Kamus yang diiktiraf oleh Akademi ini disusun oleh ahli leksikografi klasik. Walaupun meliputi perkembangan moden dalam bahasa Arab, kamus ini masih mempunyai kelemahan metodologi yang ketara.

Ketua Setiausaha Akademi, Dr. Ibrahim Madkūr menulis, bahawa terdapat satu bidang ilmu bagi perkamusan yang berkembang mengikut masa, yang telah mendatangkan kemajuan yang besar dalam dua abad yang lalu dan telah memberikan kesan yang sangat ketara terhadap kamus barat sama ada bahasa Inggeris, Perancis, Jerman atau Rusia.

Walaupun kamus-kamus klasik Arab luas kandungan dan kepelbagaiannya namun ia tidak diperlukan dalam era moden ini. Cara huraian kamus tersebut sukar difahami, ada definisi yang salah, dan susunan yang mengelirukan.

Untuk menyelesaikan masalah ini, pihak akademi telah memulakan tugas dengan memperkenalkan sebuah Kamus bahasa Arab yang sesuai pada era moden ini, iaitu *al-mu‘jam al-kabīr*. Kamus ini akan menjadi sebuah kamus rujukan besar. Walau bagaimanapun tugas ini amat berat, dan boleh memakan masa sehingga berdekad-dekad lamanya untuk disempurnakan (sehingga kini, kira-kira 5 atau 6 jilid besar telah diterbitkan, dan belum pun separuh daripada kamus ini yang telah disiapkan).

Pihak akademi telah mengenal pasti bahawa hanya seorang pakar bahasa sahaja yang boleh membuat kamus yang menyeluruh. Oleh itu, dua buah kamus kecil yang meliputi isu yang telah dinyatakan di atas telah dirancang untuk disusun tetapi mempunyai kosa kata yang begitu terhad sekali: *al-mu‘jam al-wajīz* untuk pelajar sekolah rendah, dan *al-mu‘jam al-wasīl* untuk pelajar pangajian pertengahan dan lanjutan.

Kini, dalam edisinya yang keempat, *al-mu‘jam al-wasīl* telah menjadi satu sumber yang sangat tinggi nilainya untuk pelajar bahasa Arab. Perbezaan antara kata klasik (*fasih*), pos-klasik (*muwallad*), dan moden (*muhdath*) telah disusun dengan begitu teliti sekali. Bagi kategori terkini, ia juga menunjukkan neologisme yang telah diluluskan oleh akademi sebagai lanjutan leksikon bahasa Arab yang sah. Oleh itu, sangat berguna bagi kedua-dua bahasa Arab klasik dan moden.

Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian. Matlamat utama kamus tersebut adalah untuk menjadikan bahasa Arab Klasik lebih mudah difahami oleh pelajar-pelajar masa kini. Untuk mencapai tujuan ini, ia bukan sahaja perlu disusun semula tetapi perlu dipermudahkan kebanyakan entrinya. Sebagai contoh ia tidak dapat membezakan kata jamak, antara lelaki dan perempuan bagi kata adjektif.

Kaedah ini lebih mudah dikesan dengan menggunakan “Lane’s Lexicon” menurut MW¹³.

2.8. Penutup

Proses penyerapan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu melalui jalan yang tidak begitu sukar. Kemasukan agama Islam ke rantau Tanah Melayu bukan sahaja membawa fahaman yang baru bagi masyarakat Melayu, bahkan kosa kata yang baru yang kebanyakannya merupakan istilah agama Islam yang semestinya tiada di dalam kotak pemikiran orang Melayu sebelumnya. Walaupun pada peralihan Hindu ke Islam berlaku percampuran dalam penggunaan tulisan Pallava dan Jawi dalam sistem penulisan orang Melayu ketika itu, namun dominasi agama baru orang Melayu terus membangkitkan sinergi tulisan Jawi dan kosa kata baru yang diserap dalam bahasa Melayu. Peranan tulisan Jawi dan kata serapan daripada bahasa Arab tidak boleh dipisahkan dalam hal ini kerana bermulanya kemasukan kata Arab adalah melalui tulisannya dan bahasa rujukan kitab Agung agama Islam iaitu al-Quran.

¹³ Arabic Dictionary: *Al-mu'jam al-wasīl*, www.arabic-studio.com/arabic_dictionary_wasit.html